

19 AUG 2003

Mahathir-OIC

PRESIDEN ALGERIA, SYRIA HADIR SIDANG KEMUNCAK OIC

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika dan Presiden Syria Bashar Al-Assad akan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan dianjurkan oleh Malaysia Oktober ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata mereka menyatakan hasrat itu kepadanya semasa beliau bertemu kedua-duanya dalam lawatannya ke negara-negara itu.

"Presiden Abdelaziz Bouteflika dan Presiden Bashar Al-Assad, kedua-duanya telah memberitahu kepada saya bahawa mereka akan menghadiri sidang kemuncak OIC," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini, sekembalinya ke tanah air selepas melakukan lawatan ke Algeria dan Syria serta Swaziland.

Di Swaziland, Dr Mahathir telah menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID).

Sidang kemuncak ke-10 OIC akan diadakan di Putrajaya dari 11 hingga 18 Okt ini.

Ditanya sama ada Malaysia akan menjemput negara atau ketua kerajaan di luar OIC seperti Presiden George W. Bush untuk mengadakan dialog dengan pemimpin Islam semasa sidang kemuncak itu, Perdana Menteri berkata: "Saya fikir tidak tetapi kalau ada sesiapa yang ingin datang (menghadiri sidang kemuncak OIC) dan kalau tak melanggar peraturan-peraturan, kita akan jemput."

Kepada soalan sama ada Presiden Rusia Vladimir Putin akan hadir sebagai pemerhati berikutan minat negara itu untuk menyertai OIC sama ada sebagai anggota atau pemerhati pertubuhan itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui perkara itu atau sama ada terdapat jemputan sedemikian.

Katanya jemputan bagi negara-negara di luar OIC bagi menghadiri sidang kemuncak itu adalah urusan Sekretariat OIC.

"Saya tak tahu lagi. Ini urusan Sekretariat OIC. Sekretariat OIC belum lagi ada di sini, kalau mereka nak jemput, kita terima sahaja," katanya.

Mengenai harapan Syria supaya Malaysia memainkan peranan utama menyatukan negara-negara Islam, Dr Mahathir berkata bukan Syria saja yang mahu Malaysia bertindak demikian kerana ramai lagi yang melahirkan pendapat serupa.

"Kita akan cuba...kita boleh," katanya.

Mengenai gesaan pemimpin asing supaya beliau terus memainkan peranan di kalangan negara membangun dan menyumbang tenaga menyatukan umat Islam di dunia walaupun telah bersara, Dr Mahathir berkata memang terdapat banyak gesaan sedemikian.

"Memang adalah yang kata saya tak patut berhenti terlalu awal. Kalau berhenti pun saya mestilah membuat sumbangan kepada umat Islam dan macam-macamlah," katanya.

Namun, Dr Mahathir berkata beliau akan tetap dengan keputusannya untuk berundur.

"Saya akan berhenti dan saya telah memberitahu, setakat mana saya boleh bantu, saya akan bantu. Kepada parti pun saya akan bantu dan bagi lain-lain perkara, kalau saya dijemput bagi menyumbang, saya akan cubalah sedaya upaya saya," katanya.

Dr Mahathir telah mengumumkan akan bersara daripada semua jawatan kerajaan dan parti selepas sidang kemuncak OIC nanti dan telah menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

-- BERNAMA

HS NER AHH MAI